

Ruj. Fail : MBSJ.KHP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 3 TAHUN 2021**

Tarikh : 24 Mac 2021 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.45 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Bandaraya Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN MAC 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mac 2021.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang ketiga bagi tahun 2021. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar memberitahu bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia merupakan satu agensi yang paling penting kerana struktur pentadbiran dalam kerajaan Malaysia meletakkan PBT sebagai kerajaan yang ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. PBT ditubuhkan dibawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta171) yang mempunyai kuasa autonomi dalam hal

ehwal pentadbiran, pengurusan dan kewangan. Umum mengetahui bahawa PBT adalah agensi yang paling hampir dengan penduduk setempat kerana PBT merupakan pelaksana dasar di peringkat akar umbi yang secara langsung menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan.

Oleh itu, MBSJ tidak pernah terlepas dari permasalahan dan sentiasa menjadi perhatian khasnya oleh penduduk tempatan. Cabaran daripada aspek ekonomi merupakan cabaran yang amat kronik masa kini apabila seluruh dunia terkesan dengan pandemik covid 19.

MBSJ mempunyai peranan dan tanggungjawab yang agak berat dalam menghadapi krisis ekonomi kerana kemungkinan ramai penduduk setempat di kawasan pentadbiran Majlis tidak mempunyai pekerjaan dan terkesan ekoran pandemik covid 19 terutamanya golongan peniaga kecil dan penduduk yang tinggal di pangsapuri berstrata kos rendah. MBSJ telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu penduduk yang terkesan dengan memberikan sumbangan kepada golongan yang sangat memerlukan terutamanya bagi golongan B40 yang tinggal di kawasan pentadbiran MBSJ. Majlis telah memberikan sumbangan bermula PKP pertama dan bagi tahun 2020, seramai 6,291 penerima sumbangan melibatkan kos sebanyak RM 215,774.80 manakala bagi tahun 2021 (sehingga Februari) kos sebanyak RM 150,723.00 telah diperuntukkan bagi membantu seramai 3,222

penerima dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ. Bajet yang digunakan adalah menggunakan peruntukan Majlis dan peruntukan Tabung Amal MBSJ.

MBSJ juga tidak melupakan peniaga kecil dengan melaksanakan inisiatif pemberian permit penjaja sementara. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2021 sebanyak 149 permit penjaja sementara telah diluluskan kepada penjaja di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Pihak Majlis juga telah menyediakan tapak niaga di Dataran Puchong Permai bagi menempatkan penjaja di sekitar kawasan Puchong Permai.

- iv) Datuk Bandar turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga 20 Mac 2021 terdapat sebanyak 487 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Pada Minggu Epid 7/2021 iaitu daripada 14 Mac 2021 hingga 20 Mac 2021 terdapat 2 lokaliti hotspots denggi iaitu di lokasi Pangsapuri Koi Tropika, Batu 13 ½ Puchong dan Pangsapuri Enggang BK6F, Bandar Kindara.

Masyarakat diminta meluangkan masa 10 minit seminggu sekali dengan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- v) Maklumat mengenai kes covid-19 turut dikongsi dan sehingga 21 Mac 2021 terdapat sebanyak 333,040 kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh Malaysia dengan sebanyak 1,233 kematian. Di Negeri Selangor terdapat 111,906 kes positif Covid 19 dilaporkan dengan sebanyak 30,580 adalah kes di Daerah Petaling.

Dalam kawasan pentadbiran MBSJ terdapat 10,327 kes covid 19 direkodkan sehingga 21 Mac 2021. Bilangan kes positif Covid 19 di kalangan kakitangan MBSJ masih kekal 21 kes dengan kes terakhir dilaporkan pada 9 Februari 2021.

Sejak pelancaran Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan, seramai 413,255 individu sudah menerima suntikan vaksin Covid 19 sehingga 20 Mac 2021 dan 14 kakitangan MBSJ juga telah menerima suntikan vaksin Covid 19 dos pertama termasuk Datuk Bandar dan Timbalan Datuk Bandar.

Pihak Majlis sentiasa mengingatkan semua kakitangan MBSJ dan masyarakat di kawasan pentadbiran MBSJ untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan / guna hand sanitizer), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- vi) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan program Bazar Ramadan MBSJ bagi tahun 2021. MBSJ telah menyelaraskan 9 lokasi bazar Ramadan di kawasan pentadbiran MBSJ dengan penganjuran bazar pada tahun ini mengikut norma baharu. Sebanyak 480 tapak niaga sahaja dapat disediakan dengan melupuskan separuh tapak niaga sediaada memandangkan penganjuran bazar pada tahun ini perlu dilaksanakan mengikut SOP covid 19 yang memerlukan penjarakan fizikal, penjarakan khemah, kawalan pengunjung dan sebagainya.

Bagi menampung kekurangan bilangan tapak niaga di bazar ramadan serta untuk memberi peluang kepada penduduk MBSJ meningkatkan pendapatan, MBSJ telah bekerjasama dengan pihak Selangor Digital E-Supply Chain (Seldec). Untuk menyertai platform dalam talian e-Bazar Ramadan Seldec dan MBSJ, peniaga dan penduduk boleh melayari laman web www.dapur.seldec.com.my atau laman web MBSJ iaitu www.mbsj.gov.my.

Di samping itu juga, Pihak MBSJ dan Seldec juga turut membuka peluang kepada penduduk setempat yang tidak mempunyai pekerjaan atau ingin menambahkan pendapatan dengan menyertai program Rider Seldec. Platform E-Bazar dan Rider Seldec - MBSJ juga menyediakan bantuan pinjaman daripada pihak Yayasan Hijrah Selangor.

Selain itu juga, MBSJ juga turut bekerjasama dengan beberapa pusat membeli belah seperti Damen Mall, M Square Mall dan beberapa lagi kompleks membeli belah untuk penganjuran bazar Ramadan pada tahun ini. Pihak kompleks membeli belah akan menjadi penganjur bazar ramadan dengan pematuhan SOP Covid yang ketat.

- vii) MBSJ juga akan mengadakan dua bengkel anjuran bersama *Center of Excellence for Sustainable Cities and Community Well Being (URBANICE)* dan *UN Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP)* iaitu bengkel pertama merupakan *Focus Group Discussion* bagi penyediaan laporan *Voluntary Local Review* akan diadakan pada 30 Mac 2021 (Selasa), jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Hall Lagoon 1, Level 15, Sunway Resort Hotel. Manakala bengkel kedua ialah *Building Urban Economic Resilience During and After Covid-19* akan diadakan pada 31 Mac 2021 (Rabu), jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di lokasi yang sama.

Bengkel ini akan melibatkan pegawai Majlis, agensi kerajaan, universiti, pemaju, NGO dan penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ.

- viii) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2021 bertarikh 24 Februari 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2021 bertarikh 24 Februari 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2021 bertarikh 8 Mac 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.4 & m/s 5	Encik Mohan Singh a/l	Balai Masyarakat dan Kabin	Beliau memohon penjelasan berkenaan pengambil alihan balai

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Surtar Singh		<p>masyarakat yang tidak aktif. Adakah balai masyarakat yang jarang digunakan semasa pandemic covid-19 turut tersenarai?</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa terdapat balai masyarakat yang tidak digunakan sehingga menyebabkan vandalisme, kecurian peralatan dan terabai. Ahli Majlis kawasan dimohon untuk mengenalpasti dan berbincang dengan Majlis Perwakilan Penduduk berkenaan penggunaan balai supaya dapat mengelakkan isu</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				vandalism dan terabai. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat
2.	Para 6.1 & m/s 8	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh dan Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Local Agenda 2030 MBSJ bagi Tahun 2021-2022	Beliau menanyakan status ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Local Agenda 2030 MBSJ bagi Tahun 2021-2022. Beliau ingin penjelasan mesyuarat ini merupakan terbitan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan atau Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar. Keputusan Mesyuarat : Mesyuarat sebulat suara memutuskan Mesyuarat Teknikal Local Agenda 2030 MBSJ adalah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>terbitan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar. Pelaporan mesyuarat akan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa induk dan Ketua Whip diminta memilih ahli mesyuarat daripada keanggotaan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>
3.	Para 6.5 & m/s 13	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh dan Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Garis Panduan Busking / Muzik Jalanan di Kawasan MBSJ	Beliau ingin penjelasan berkenaan klausa jarak 300m daripada kediaman, rumah ibadat, institusi pendidikan, klinik/hospital.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat sebulat suara memutuskan klausa jarak 300m daripada kediaman, rumah ibadat, institusi pendidikan, klinik/hospital digugurkan daripada garis panduan dan digantikan dengan “mengikut jarak yang bersesuaian agar tidak menimbulkan kacau ganggu kepada kediaman, rumah ibadat, institusi pendidikan, kinik/hospital”.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2021 bertarikh 8 Mac 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 3	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Kertas Laporan Pengurusan Perkuburan Islam MBSJ USJ 22, Subang Jaya	Beliau ingin tahu berkenaan pengurusan tanah perkuburan dan krematorium adakah boleh diuruskan oleh pihak swasta atau perlu diuruskan oleh PBT. Adakah Majlis mempunyai kawalan terhadap operator luar yang menguruskan tanah perkuburan dan krematorium? Keputusan Mesyuarat : Datuk Bandar memaklumkan bahawa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>mengikut Akta 171, PBT boleh mengawal, menyelenggara dan mengendalikan tapak perkuburan dan krematorium. Pihak swasta juga boleh menguruskan tanah perkuburan dan Majlis tidak campur tangan dalam pengurusan tersebut kecuali terdapat masalah atau pihak tersebut memohon bantuan Majlis. Majlis perlu merujuk perundangan terlebih dahulu berkenaan jenis kawalan yang boleh dilaksanakan terhadap operator swasta.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Undang-Undang</p>

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 3/2021 bertarikh 24 Februari 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 4/2021 bertarikh 10 Mac 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	<i>Industrialised Building System</i> (IBS) / Green Construction	Beliau menyokong bahawa konsep IBS dan <i>green construction</i> merupakan cadangan yang bagus. Adakah pihak MBSJ menyediakan insentif kepada syarikat yang melaksanakan IBS dan <i>green construction</i> ?

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta supaya Jabatan Bangunan membuat satu bengkel dan menjemput wakil CIDB dan agensi terlibat bagi membincangkan perkara ini dengan lebih terperinci.</p> <p>Tindakan : Jabatan Bangunan</p>
2.	-	Encik Thomas Low Yew Sin	Pembinaan projek pangsapuri kos tinggi di belakang Taman Mutiara Indah Puchong	Beliau memaklumkan bahawa terdapat pembinaan projek pangsapuri kos tinggi di belakang Taman Mutiara Indah Puchong. Penduduk di kawasan sekitar mengadu berkenaan masalah gangguan bunyi dan habuk. Penduduk juga bimbang berkenaan laluan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>keluar masuk ke pangsapuri tersebut yang menggunakan laluan sedia ada dan dikhuatiri akan menyebabkan kesesakan lalulintas yang teruk di masa hadapan.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta supaya Jabatan Bangunan mengaturkan satu perjumpaan yang melibatkan pemaju, Majlis Perwakilan Penduduk dan pihak Majlis bagi membincangkan isu tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Bangunan</p>
3.	Para 1 & m/s 1	Encik Yap Kok Weng	Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran	Beliau mengucapkan syabas kepada pihak Majlis di atas usaha bagi melaksanakan program

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Kerajaan Negeri Selangor	<p>pemutihan kilang di kawasan pentadbiran Majlis. Beliau memohon Majlis mewujudkan satu mekanisma bagi melaksanakan pemutihan kedai untuk memudahkan proses permohonan.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta perkara ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan OSC</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2021 bertarikh 15 Mac 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2021 bertarikh 15 Mac 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.3/2021 bertarikh 16 Mac 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan permohonan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Tempat Letak Kereta Bertingkat di Pusat Komersial USJ 10 Subang Jaya : Parkir Khas Wanita dan Pencahayaan	<p>Beliau ingin penjelasan berkenaan status terkini tentang pencahayaan dan penyediaan tempat letak kereta wanita di tempat letak kereta bertingkat pusat komersial USJ 10 Subang Jaya.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Pengarah Perbendaharaan memaklumkan bahawa pihak Majlis telah membuat perjumpaan dengan operator tempat letak kereta tersebut. Syarikat memaklumkan bahawa menjadi kesukaran bagi mereka untuk mengawal dari segi penguatkuasaan ke atas</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>penggunaan tempat letak kereta yang telah dicat merah bagi mengkhususkan wanita sahaja yang memarkir kenderaan di lokasi tersebut. Perjumpaan kedua akan menyusul bagi membincangkan isu yang timbul dengan lebih lanjut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</p>
2.	Para 7.0 & m/s 5	Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Pengesahan Laporan Mesyuarat Teknikal Penjaja	Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Teknikal Penjaja telah memutuskan untuk membuat penarikan gerai yang disewa oleh Puan Mythizhi a/p Sukumaran yang berniaga makanan India di gerai nombor 15, Medan Selera USJ 1.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Walau bagaimanapun, pemilik gerai telah membuat rayuan dan dimohon pertimbangan semula diberikan kepada pemilik gerai tersebut.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta supaya pertimbangan rayuan pemilik gerai tersebut dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Teknikal Penjaja akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2021 bertarikh 17 Mac 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut. Hal-hal berbangkit sewaktu mesyuarat adalah :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.6.3 & m/s 17	Encik Thamilarusu Sandayan	Kenderaan berat diletakkan di kawasan perumahan	Beliau memaklumkan bahawa masalah kenderaan berat diletakkan di kawasan perumahan masih berulang.
		Encik Justin Raj Savarimuthu		Beliau memaklumkan bahawa masalah kenderaan berat diletakkan di kawasan perumahan turut berlaku di kawasan TPP 5 dan 6. Beliau memohon pihak Majlis menyediakan satu lokasi khas bagi meletakkan kenderaan berat sekali gus dapat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>menyelesaikan masalah tersebut.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta supaya Jabatan Perancang mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk dijadikan tempat letak kenderaan berat.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

7.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

Tarikh Disediakan : 25 Mac 2021

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1. | TPr.Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 5. | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 9. | Encik Thomas Low Yen Sen | - | " |
| 10. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 11. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 12. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 13. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 14. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 15. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | ” |
| 16. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | ” |
| 17. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | ” |
| 18. | Encik Muhammad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | ” |
| 19. | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan | - | ” |
| 20. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | ” |
| 21. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | ” |
| 22. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | ” |
| 23. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | ” |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

6. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ts. Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
13. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
15. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
17. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

19. Encik Mohd Hazman bin Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
20. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan

TIDAK HADIR

- | | | |
|---|---|-------------|
| 1. Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - | Ahli Majlis |
| 2. Encik Teh Eng Teck | - | ” |
| 3. Puan Nor Liyana binti Yahaya | - | ” |
| 4. Tpr.Haji Ismail bin Muhammad, ^{A.I.S}
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar | - | Pengarah |
| 5. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan | - | ” |
| 6. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC | - | ” |

URUSETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan